



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 16 Tahun 2018**

**KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA KAAMATAN  
DAN HARI GAWAI**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf UiTM yang berkeelayakan mengenai penerimaan pakai Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkenaan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai mulai tahun 2017.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-162 bertarikh 31.1.2018 telah bersetuju meluluskan penerimaan pakai Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkenaan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai mulai tahun 2017.

3. Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) ke-18 bertarikh 08.09.2017 telah bersetuju memperakukan penerimaan pakai Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkenaan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai mulai tahun 2017.

4. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya telah mengeluarkan surat pekeliling (rujukan JPA.SARAAN(S) 43/35 Jld. 6 (13) bertarikh 16 Mei 2017 mengenai Cuti Tanpa Rekod (CTR) sempena Pesta Kaamatan Dan Hari Gawai.

5. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 16 Mei 2017 bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai kelahiran Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia, dibenarkan mengambil satu (1) hari Cuti Tanpa Rekod untuk menyambut Pesta Kaamatan pada 30 Mei atau 31 Mei setiap tahun.

6. Manakala bagi pegawai kelahiran Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia dibenarkan mengambil satu (1) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) untuk menyambut Hari Gawai pada 1 Jun atau 2 Jun setiap tahun.

#### **PELAKSANAAN**

7. Staf UiTM kelahiran Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia, dibenarkan mengambil satu (1) hari Cuti Tanpa Rekod untuk menyambut Pesta Kaamatan pada 30 Mei atau 31 Mei setiap tahun.

8. Bagi staf kelahiran Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia dibenarkan mengambil satu (1) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) untuk menyambut Hari Gawai pada 1 Jun atau 2 Jun setiap tahun.

9. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini adalah berkuat kuasa mulai **30 Mei 2017**.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

10. Pekeliling dikeluarkan pada 16 Mac 2018.

## TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 30 Mei 2017.

## PEMAKAIAN

12. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA yang berkeelayakan.



**AZIDA AZMI**

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:  
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD (PT.6/3)  
No. Siri : 100-BPD (Bil. 15/2018)